

PENCAPAIAN SKOR GIINA TERTINGGI 2017

90%



FARAH ALWANI AZAMAN
SARJANA MUDA SAINS DENGAN KEPUJIAN
(TEKNOLOGI KIMIA INDUSTRI)

Ikon GIINA

KECEMERLANGAN MAHASISWA

1. Pingat Emas Sukan Boling Padang, Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (Abdul Muiz Jaafar), 01 hingga 10 Februari 2018
2. Pingat Perak Sukan Memanah, Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (Abid Faridi Samsudin), 01 hingga 10 Februari 2018
3. Pingat Gangsa Sukan Taekwando, Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (Mohammad Ammar Abd Halim), 01 hingga 10 Februari 2018
4. Pingat Gangsa Sukan Silat, Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (Muhammad Yusri Daud), 01 hingga 10 Februari 2018
5. Johan Kategori Moden Festival Nasyid Wilayah Persekutuan, (Kumpulan Qvou), 12 hingga 14 Februari 2018
6. Ketiga Kategori Tradisi Festival Nasyid Wilayah Persekutuan, (Kumpulan Intracksee), 12 hingga 14 Februari 2018
7. Ketiga Pertandingan Nasyid Fifth Vaganza, (Kumpulan Azra), 24 hingga 25 Februari 2018
8. Naib Johan UNISI Arabic Debating Championship (UADC) (Pasukan Debat Bahasa Arab), 02 hingga 07 Mac 2018
9. Johan Battle of Nasyid, Karnival Pendidikan 2018 (Kumpulan Intracksee), 02 Mac 2018
10. Johan Pertandingan Pidato Dwibahasa (Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab) IHTIFAL Institusi Pengajian Tinggi ASEAN 2018 (Muhammad Syafiq Suhaimi), 30 Mac hingga 02 April 2018
11. Johan Pertandingan Memanah (Lelaki) IHTIFAL Institusi Pengajian Tinggi ASEAN 2018 (Adib Hakimi Ahmad), 30 Mac hingga 02 April 2018
12. Johan Pertandingan Memanah (Perempuan) IHTIFAL Institusi Pengajian Tinggi ASEAN 2018 (Nasuha Mohd Zailan), 30 Mac hingga 02 April 2018
13. Naib Johan Pertandingan Nasyid IHTIFAL Institusi Pengajian Tinggi ASEAN 2018 (Kumpulan Intracksee), 30 Mac hingga 02 April 2018
14. Naib Johan Qari Pertandingan Tilawah Al-Quran IHTIFAL Institusi Pengajian Tinggi ASEAN 2018 (Asyraf Azmi), 30 Mac hingga 02 April 2018
15. Naib Johan Pertandingan Memanah (Lelaki) IHTIFAL Institusi Pengajian Tinggi ASEAN 2018 (Muhammad Imran Abdul Ghani), 30 Mac hingga 02 April 2018
16. Naib Johan Pertandingan Memanah (Perempuan) IHTIFAL Institusi Pengajian Tinggi ASEAN 2018 (Syazwani Saidin), 30 Mac hingga 02 April 2018
17. Pingat Gangsa Sukan Olahraga, Majlis Sukan Universiti Malaysia (Syed Muhd Ibrahim Syed Muhd Fuad dan Fedzla Hannani Mustapha), 06 hingga 08 April 2018
18. Ketiga Sayembara Deklamasi Puisi ASEAN, (Muhammad Afiq Aminuddin, Kumpulan Khupas), 27 hingga 28 April 2018
19. Naib Johan Debat Terbuka IQRA 2.0 (Pasukan Debat Bahasa Melayu), 11 hingga 14 Mei 2018
20. Pingat Emas 2nd Bogor Archery Championship 2018 (Berpasukan Memanah Kompaun), 04 hingga 08 Julai 2018
21. Separuh Akhir Debat Diraja 2018 (Pasukan Bahasa Melayu), 06 hingga 09 Julai 2018





Kecemerlangan Mahasiswa

This collage of newspaper clippings highlights the multifaceted activities and achievements of USIM students across various fields. It includes reports on sports like Sepak Takraw and Badminton, academic programs like the Islamic Studies Program, and community engagement through Street Dakwah and charity work. The clippings feature numerous photographs of students in traditional and modern attire, participating in events and receiving awards.

TING DI DUBAI

Malaysia KITA

Pendebat Usim di tempat kedua

Salingan senang! Pertandingan Debat Bahasa Arab di Indonesia

Rentas desa bersama pelajar Thai

USIM lawat komuniti Islam di Sri Lanka

Konsep teknologi berorientasi pengembangan dan peningkatan kualitas sumber daya manusia dalam mendukung pembangunan.

ANUGERAH TOKOH SISWA KEBANGSAAN 2017

22 SEPTEMBER 2018 (SABTU)
DEWAN ILMU, UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PASUKAN DEBAT BAHASA ARAB
ANUGERAH KHAS
KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI

TAHNIAH!



NUR IZAZAYA AHMAD HANAFI
FINALIS ANUGERAH
PEMIMPIN PROGRAM PENGUCAPAN AWAM

NOOR SYAHMIYYA MD ZAKI
FINALIS ANUGERAH
PEMIMPIN PROGRAM KEBUDAYAAN

TAHNIAH!

TAHNIAH!

35 SISWA USIM KERAH TENAGA 14 JAM SEHARI BINA RUMAH MIZAN DI DUBAI



Seramai 35 siswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkorban masa dan tenaga menyiapkan Rumah Solar *Mizan Home* dalam Pertandingan *Solar Decathlon Middle East* (SDME) 2018 di Dubai, Emiriah Arab Bersatu. Selaku wakil tunggal Malaysia ke SDME 2018, kumpulan pelajar ini bersama lima pensyarah berkampung di Tapak Solar Syeikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum bermula 2 November lalu bagi memulakan pembinaan *Mizan Home*.

Menurut ketua pembinaan, Muhammad Ariff Hanafi yang juga merupakan pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina USIM, beliau bersama rakan-rakannya memulakan pembinaan di tapak projek bermula dari jam 9.00 pagi hingga 11.00 malam setiap hari. Mereka juga perlu menempuh satu jam perjalanan dari penginapan untuk sampai ke tapak projek.

"Rasa penat, letih dan tekanan itu memang dirasai semua dengan ditambah cabaran suhu panas pada siang dan sejuk apabila malam di Dubai. Tetapi itu semua kami abaikan kerana fokus utama dan motivasi tinggi untuk memastikan *Mizan Home* ini siap sepenuhnya menjelang 13 November (esok) seperti yang ditetapkan oleh penganjur. Tidak terlintas untuk berputus asa kerana kami telah membuat persiapan selama dua tahun untuk pertandingan ini"

"Kami telah bekerja lebih dari 180 jam untuk menyiapkan rumah ini dengan semangat yang berkobar-kobar agar rumah solar *Mizan Home* dapat melakar sejarah gemilang di Dubai untuk universiti dan negara".

"SDME beri pengalaman dan pendedahan yang amat bernilai kerana kami bukan sahaja melakar model rumah ini tetapi membinanya sendiri satu persatu. Menjelang hari-hari terakhir, sekumpulan pelajar berada 24 jam di tapak projek untuk bekerja mengikut shif dan tugasan yang diberikan. Selain cabaran suhu, angin kuat dan ribut pasir juga memberi kesulitan kepada kerja-kerja pembinaan dan kesihatan para peserta. Alhamdulillah, pada waktu ini 90 peratus rumah solar telah siap" ujarnya.

Mizan Home adalah kolaborasi USIM bersama Universiti Teknologi Malaysia merupakan wakil tunggal negara dan Asia Tenggara ke pertandingan yang dianjurkan oleh *Dubai Electricity and Water Authority* (DEWA). Sebanyak 15 buah rumah solar dari pelbagai universiti seluruh dunia terpilih menyertai pertandingan berprestij ini. Para peserta perlu membina sebuah rumah pintar yang beroperasi sepenuhnya menggunakan tenaga solar selain perlu disesuaikan untuk menghadapi cabaran musim panas, habuk dan kelembapan yang tinggi di Dubai. Majlis perasmian SDME 2018 telah diadakan pada 14 November oleh Pemerintah Dubai, Syeikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum.

PENGEMBARAAN GLOBAL ISLAMIC STUDENTS OUTREACH (GISO)



2011-2018



Pengembaraan USIM GISO yang dilaksanakan sejak tahun 2011 telah membuka ruang kepada pelajar di peringkat sarjana muda untuk terlibat dalam inisiatif dakwah ke rantau jauh melalui pelbagai aktiviti tujuan kesukarelawanan terutamanya di negara minoriti umat Islam. Sepanjang lapan (8) tahun penganjurannya dari tahun 2011 hingga tahun 2018, sejumlah 319 pengembaraan dengan penglibatan 7027 pelajar telah dilaksanakan meliputi 25 buah negara termasuklah Brunei, Filipina, Kemboja, Vietnam, Laos, Thailand, Indonesia, Timor Leste, Singapura, China, Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Australia, New Zealand, Sri Lanka, India, Mauritius, Maldives, Emirah Arab Bersatu, Lubnan, Maghribi, Jordan, Turki dan Poland.

Kos keseluruhan pelaksanaan pengembaraan ini sepanjang tempoh tersebut mencecah RM13.51 juta dengan kurang daripada 11% ditampung melalui sumbangan USIM manakala selebihnya diusahakan oleh pelajar melalui tabungan dan aktiviti keusahawanan. Dalam usaha membantu pelajar menyediakan tabungan, USIM telah memperkenalkan Yuran Antarabangsa sejak tahun 2011 yang menetapkan supaya pelajar mendeposit sejumlah RM450.00 atau RM75.00 setiap semester selama enam (6) semester mulai semester pertama pengajian. Tabungan tersebut boleh dikeluarkan apabila permohonan pelajar untuk melaksanakan Pengembaraan USIM GISO diluluskan oleh panel penilai yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni). Selain itu, USIM turut menggalakkan dan memudahkan aktiviti

keusahawanan di kalangan pelajar apabila membenarkan kutipan wang dibuat oleh peserta sesuatu aktiviti keusahawanan yang digerakkan melalui badan pelajar berdaftar. Wang tersebut boleh dihimpun dan digunakan oleh pelajar untuk menampung kos pengembaraan mereka.

USIM juga telah mengeluarkan garis panduan khusus untuk pelaksanaan Pengembaraan USIM GISO yang menetapkan syarat yang perlu dipenuhi dalam permohonan untuk pertimbangan panel penilai termasuklah keperluan minimum 18 jam pengisian aktiviti tujuan kesukarelawanan. Aktiviti kesukarelawanan yang dilaksanakan melalui Pengembaraan USIM GISO ini memfokuskan kepada pemindahan dan perkongsian ilmu dan manfaat di antara pelajar dan komuniti setempat yang diziarahi dalam usaha mengupayakan komuniti tersebut untuk menganjukkan kehidupan mereka ke tahap yang lebih baik daripada pelbagai aspek. Antara aktiviti tujuan tersebut termasuklah penyediaan kemudahan sanitasi, pembelajaran membaca, menulis dan mengira, pengajaran asas fardu ain dan bacaan al-Quran, pengajaran bahasa Arab dan Inggeris, pembinaan perpustakaan mini, pemeriksaan dan khidmat nasihat kesihatan, terapi seni, pembuatan baja kompos, perkongsian silang budaya, pengajaran seni khat, pelaksanaan korban dan akikah dan agihan pelbagai sumbangan selain mempromosikan USIM sebagai institusi pengajian tinggi yang mengintegrasikan ilmu naqli (wahyu) dan ilmu aqli (rasional).

Sekembalinya pelajar daripada pengembaraan mereka, sesi-sesi perkongsian pengalaman melibatkan pembentangan daripada setiap kumpulan pengembaraan diadakan di hadapan panel juri yang dilantik oleh USIM dan panel juri ini bebas mengemukakan pandangan dan maklum balas terhadap pembentangan tersebut untuk penambahbaikan pengembaraan yang lain di masa hadapan. Sesi perkongsian pengalaman tersebut juga turut dihadiri oleh pelajar lain yang merancang untuk melaksanakan pengembaraan yang sama.

Pada tahun 2018, sejumlah 83 Pengembaraan USIM GISO melibatkan 1996 pelajar telah dilaksanakan dengan kesemuanya melibatkan 14 buah negara. Selaras dengan pacuan daya keusahawanan dan semangat kesukarelawanan yang diterapkan melalui pengembaraan ini, tahun 2018 juga menyaksikan pelajar telah berupaya meminimumkan pergantungan kepada sumbangan USIM kepada kurang daripada 7% manakala selebihnya diusahakan oleh pelajar sendiri.

Sesungguhnya Pengembaraan USIM GISO ini berupaya mewujudkan kuasa lunak di kalangan komuniti yang diziariahi agar USIM khususnya dan Malaysia amnya senantiasa dihargai dan dirujuki pada masa hadapan terutamanya dalam inisiatif dakwah ke rantau jauh melalui aktiviti tujuan libatsama masyarakat dan kesukarelawanan di negara minoriti umat Islam. Ia juga selari dengan keberhasilan yang diharatkan melalui Lonjakan 1 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) untuk melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan berkeusahawanan.

INDONESIA

14 – 19 Januari 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
*Travelog Bumi Indonesia,
Contributions to Sidoarjo's Ummah*

14 – 18 Januari 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
*Travel to Lembang Indonesia:
Transformation in the Integration
of Aqli and Naqli*

15– 19 Januari 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
*Jaulah Ilham Di Bumi
Aceh*

18 – 25 Januari 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
*Jelajah Silaturrahimi di Bumi Serambi
Mekah Banda Aceh*

20– 24 Januari 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
*Jelajah Kasih Mahasiswa USIM ke
Bumi Bandung dan Jakarta*

21– 26 Januari 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
*Jaulah Mahabbah Ke
Bumi Bandung*

24– 28 Januari 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Tautan Ukhuwah di Banda Aceh

27– 31 Januari 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
*Kembara Amal, Jalinan Insaniah
di Bumi Medan*

04 – 10 Februari 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Kembara Insaniah di Bumi Padang

01 – 06 April 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Travelog Mahabbah di
Bumi Bali

01 – 06 April 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
The Journey of Virtue to Yogyakarta

06 - 12 Julai 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Jelajah Ekspedisi Bogor

08 – 13 Julai 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Makassar The Journey For Unity

02 – 07 Julai 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Jaulah Mahabbah in Padang



12 – 17 Julai 2018	Pengembaraan USIM GISO 2018: Menelusuri Bumi Nusantara Islam Bogor
14 – 19 Julai 2018	Pengembaraan USIM GISO 2018: Jejak Rantau Bumi Aceh
16 – 20 Julai 2018	Pengembaraan USIM GISO 2018: Jaulah Padang dan Bukit Tinggi
20 – 26 Julai 2018	Pengembaraan USIM GISO 2018: Barakah Expedition to Malang
16 – 20 Ogos 2018	Pengembaraan USIM GISO 2018: Kembara Mahabbah ke Bandung
20 – 25 Ogos 2018	Pengembaraan USIM GISO 2018: Bakti Pulau Aceh
03 – 08 Ogos 2018	Pengembaraan USIM GISO 2018: Jejak Sinar Ilmu di Bumi Riau
26 – 31 Ogos 2018	Pengembaraan USIM GISO 2018: Kembara Sains di Tanah Jawa, Bandung
27 Ogos – 02 September 2018	Pengembaraan USIM GISO 2018: Thousand Miles with Single Step to Makassar
01 – 07 September 2018	Pengembaraan USIM GISO 2018: Kembara Ilmu di Pulau Sumatera Aceh

04 – 10 November 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018: Misi Jejak Mukmin dan Jalinan Insaniah di Bumi Aceh

04 – 10 November 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018: Perjalanan Mencari Seribu Satu Makna di Bumi Aceh

03 – 08 November 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018: Jaulah Mahabbah ke Negara Seberang Yogyakarta

05 – 10 November 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018: Khidmat Da'wah USIM Bersama Komuniti Islam Surabaya-Malang

05 – 11 November 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018: Fantashiru 2.0 di Bumi Aceh

VIETNAM

22 – 26 Januari 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018 : Pearl Journey di Ho Chi Minh

14 – 20 Januari 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018: Misi "Loi Chao Tu Malaysia Den Viet Nam" (Greeting From Malaysia to Vietnam)

17 – 23 Januari 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018: Misi Pembangunan Masyarakat dan Pembudayaan Islam di Tay Ninh

18 – 23 Januari 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018: The Quantum Leap Ho Chi Minh

21 – 25 Julai 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018: Musafir Kasih di Bumi Tay Ninh

CHINA

09 – 15 Julai 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018: Expedition To Kunming, China : Strenghten Ukhnuwwah, Empowering Ummah

28 Ogos – 02 September 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018: Spreading Love and Brotherhood Appreciation in the Land of Hong Kong

02 - 08 September 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018: Titian Kasih Di Tembok Besar Beijing

04 – 09 November 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018: Eksplidisi Kembara Mahabbah Bersama Komuniti Chengdu

06 – 10 November 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018: Kembara Osmosis ke Guangzhou

